



**PERATURAN PERTANDINGAN  
KEJOHANAN OLAHRAGA  
MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH (MSSD) SABAK BERNAM  
TAHUN 2025**

**1. TARIKH, MASA DAN TEMPAT**

Tarikh : 23,24,25,26 JUN 2025  
Hari : Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis  
Masa : Bermula 7.30 pagi setiap hari sepanjang kejohanan  
Tempat : Kompleks Sukan Sabak Bernam  
Pengelola : SAMT SSAS dan SK BT38

**2. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

KEJOHANAN ini dianjurkan di bawah Undang-undang KOM (di mana sesuai) dan peraturan MSSS dan MSSM.

**3. KELAYAKAN PESERTA**

- 3.1 Pelajar-pelajar yang bersekolah sepuh masa di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta yang berdaftar dan bergabung dengan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Selangor.
- 3.2 Pelajar tingkatan 6 dan STAM yang berumur lebih dari 18 tahun dan pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM / SPMV / STPM **tidak layak** menyertai semua pertandingan MSS Selangor

**4. KATEGORI DAN KUMPULAN UMUR PESERTA**

- 4.1 Sekolah Menengah : Lelaki dan Perempuan

Kelas 1 : 18 tahun ke bawah (*Lahir pada 1.1.2007 atau selepasnya*)  
Kelas 2 : 15 tahun ke bawah (*Lahir pada 1.1.2010 atau selepasnya*)  
Kelas 3 : 14 tahun ke bawah (*Lahir pada 1.1.2011 atau selepasnya*)

- 4.2 Sekolah Rendah : Lelaki dan Perempuan

Kelas 4 : 12 tahun dan ke bawah (*Lahir pada 1.1.2013 atau selepasnya*)  
Kelas 5 : 11 tahun dan ke bawah (*Lahir pada 1.1.2014 atau selepasnya*)

- 4.3 Peserta-peserta hendaklah mengambil bahagian mengikut kumpulan umurnya. Misalnya seorang peserta bawah 14 tahun **tidak boleh** mengambil bahagian dalam kumpulan umur 15 tahun.

- 4.4 Acara 3000m lelaki dan perempuan adalah **acara terbuka** bagi murid-murid sekolah menengah.

- 4.5 Acara Lontar Peluru dan acara 1200m adalah **acara terbuka** bagi murid-murid sekolah rendah mengikut jantina.

## 5. PERATURAN PERTANDINGAN

- 5.1 Setiap sekolah adalah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan sahaja bagi acara lari berganti-ganti.
- 5.2 Bilangan maksimum penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

Kumpulan Umur Lelaki / Perempuan	Individu	Berpasukan
18TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
15TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
14TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
12TKB	2 (termasuk acara terbuka)	2
11TKB	2 (termasuk acara terbuka)	2

- 5.3 Nama dan nombor pelari-pelari acara lari berganti-ganti mesti diberikan kepada urusetia pertandingan satu ( 1 ) jam sebelum acara bermula. Hanya peserta yang didaftarkan sahaja boleh mengambil bahagian.
- 5.4 Jika kurang dari dua ( 2 ) orang peserta atau pasukan mengambil bahagian dalam sesuatu acara, acara tersebut akan dibatalkan.

## 6. ACARA-ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

BIL	ACARA	LELAKI					PEREMPUAN					JUMLAH ACARA
		18	15	14	12	11	18	15	14	12	11	
1	100M	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	10
2	200M	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	10
3	400M	X	X	X	-	-	X	X	X	-	-	6
4	800M	X	X	X	-	-	X	X	X	-	-	6
5	1200M	-	-	-	TERBUKA		-	-	-	TERBUKA		2
6	1500M	X	X	X	-	-	X	X	X	-	-	6
7	3000M	TERBUKA			-	-	TERBUKA			-	-	2
8	LOMPAT TINGGI	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	10
9	LOMPAT JAUH	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	10
10	LOMPAT KIJANG	X	X	X	-	-	X	X	X	-	-	6
11	LONTAR PELURU	X	X	X	TERBUKA		X	X	X	TERBUKA		8
12	LEMPAR CAKERA	X	X	X	-	-	X	X	X	-	-	6
13	MEREJAM LEMBING	X	X	X	TERBUKA		X	X	X	TERBUKA		8
14	4 X 100 METER	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	10
15	4 X 200 METER	-	-	-	X	X	-	-	-	X	X	4
16	4 X 400 METER	X	X	X	-	-	X	X	X	-	-	6
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>13</b>	<b>13</b>	<b>9</b>	<b>6</b>	<b>14</b>	<b>13</b>	<b>13</b>	<b>9</b>	<b>6</b>	<b>110</b>

## 7. PENDAFTARAN PESERTA-PESERTA

- 7.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat ( 2 ) dua minggu sebelum kejohanan dengan menggunakan **Borang Penyertaan Rasmi** yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Butir-butir tentang seseorang hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Pengetua / Guru Besar sekolah masing-masing.
- 7.2 Jika terdapat peserta yang hanya menyertai acara lari berganti-ganti sahaja, peserta ini dikehendaki mendaftar juga dalam borang penyertaan rasmi.
- 7.3 Peserta-peserta setiap sekolah hendaklah mengisi **BORANG KHAS PERIBADI BERGAMBAR** iaitu **MOI** atau **ROI** serta Kad Pengenalan atau Surat Beranak yang telah disahkan oleh Guru Besar / Pengetua sekolah yang berkenaan.

- 7.4 Peserta-peserta bawah 18, 15 dan 14 tahun dan ke bawah **WAJIB** membawa Kad Pengenalan asal atau setaraf dengannya sebagai pengesahan rasmi. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya **TIDAK AKAN DITERIMA** (sila rujuk Peraturan Am MSSS).
- 7.5 Jawatankuasa Pengelola berhak menolak mana-mana penyertaan peserta yang tidak lengkap diisi sebagaimana yang dikehendaki.

## 8. PENGESAHAN PESERTA-PESERTA

### 8.1 Pengesahan penyertaan

- 8.1.1 **Pengesahan penyertaan** akan diadakan dua minggu sebelum kejohanan.
  - **Tarikh pendaftaran peserta** bermula pada **15 Mei 2025 (Khamis)**
  - **Tarikh tutup** pendaftaran pada **13 Jun 2025 (sebelum pukul 12.00 tengah hari)**
  - Pendaftaran peserta melalui sistem online di laman web  
<https://jsports.com.my/selangor/sabakbernam/daftar>
- 8.1.2 **Penguguran dan tarik diri** peserta boleh dibuat pada **15 OGOS 2024** di dalam sistem online.(melalui pegawai statistik)
- 8.1.3 Pengurus pasukan diminta berurusan hanya dengan Urusetia Pertandingan sahaja.
- 8.1.4 Semua maklumat berkaitan peserta sekolah iaitu Borang Penyertaan, M01 atau R01 serta salinan Kad Pengenalan atau Sijil Kelahiran hendaklah diserahkan kepada urusetia pertandingan pada **23 Jun 2025 (Hari Pertama kejohanan bermula)**
- 8.1.5 Nombor peserta adalah berdasarkan huruf pengenalan sekolah dan nombor peserta. Ukuran nombor peserta hendak bersesuaian dan ditulis dengan jelas. (dicadangkan ukuran separuh kertas A4). *rujuk lampiran*

### 8.2 Penarikan Diri Semasa Kejohanan Dijalankan

- 8.2.1 Jika didapati seseorang peserta disahkan penyertaan, tidak mengambil sesuatu acaranya, maka peserta itu dianggap **menarik diri tanpa sebab**. Oleh yang demikian peserta tersebut **tidak dibenarkan** menyertai lagi acara-acara yang didaftarkan atas namanya.
- 8.2.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal atau acara lain sebelumnya, tanpa surat pengesahan sakit/ cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, adalah dianggap sebagai **menarik diri** daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 8.2.3 Seseorang pesera yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan.

## **9. PENGGANTIAN DALAM ACARA LARI BERGANTI-GANTI**

- 9.1 Penggantian bagi acara Lari berganti-ganti dihadkan kepada dua ( 2 ) peserta yang didaftarkan dalam Borang Penyertaan Rasmi. Peraturan ini meliputi penyertaan di Pusingan Separuh Akhir dan Akhir. Jika terdapat pasukan menarik diri tanpa sebab peraturan 8.2.1 akan digunakan.

## **10. MELAPORKAN DIRI PESERTA**

- 10.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya **30 minit** bagi acara balapan dan **45 minit** bagi acara padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta. Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada pegawai teknik dalam arena pertandingan.
- 10.2 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka hanya akan **DIBUAT SEKALI SAHAJA** jika perlu. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Penyelia Peserta. Hebahan juga akan dibuat sekiranya tedapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan.
- 10.3 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju larian masing-masing.
- 10.4 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara mereka dimulakan, boleh **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah **menarik diri**.

## **11. PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN**

- 11.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diiringi oleh Penyelia Peserta.
- 11.2 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang.

## **12. MEMANASKAN BADAN**

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan ditempat yang ditentukan. Kawasan pertandingan adalah kawasan larangan peserta yang tidak mengambil bahagian.

## **13. PERMULAAN BAGI ACARA BALAPAN**

### **13.1 BLOK PERMULAAN**

- 13.1.1 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat umur 18, 15 dan 14 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan) **BLOK PERMULAAN BOLEH DIGUNAKAN.**

100 METER	100 METER LARI BERPAGAR	400 METER LARI BERPAGAR
200 METER	110 METER LARI BERPAGAR	4 x 100 METER
400 METER	200 METER LARI BERPAGAR	4 x 400 METER

- 13.1.2 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat umur 12 dan 11 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan) **BLOK PERMULAAN BOLEH DIGUNAKAN ( pilihan peserta )**

100 METER	80 METER LARI BERPAGAR	4 x 200 METER
200 METER	4 x 100 METER	-

### 13.2 PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 13.2.1 **PAKU KASUT** : Bagi kejohanan yang dijalankan di atas balapan jenis sintetik, panjang maksimum paku kasut (spikes) tidak melebihi 6mm, kecuali untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing. Untuk acara-acara tersebut paku kasut tidak boleh melebihi 9mm.

- 13.2.2 **PERALATAN** : Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan peralatan termasuk Blok Permulaan kecuali galah berlombol untuk acara Lompat Bergalah dimana peserta dan galah sendiri dengan syarat ia diserahkan kepada Pengurus Teknik terlebih dahulu untuk disahkan. Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan galah orang lain kecuali dengan mendapat kebenaran dari tuan yang empunya.

## 14. ACARA-ACARA PADANG (UKURAN DAN TIMBANGAN ALAT-ALAT PERTANDINGAN)

### 14.1 UKURAN PERMULAAN LOMPAT TINGGI

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18TKB	1.40 METER	1.15 METER
15TKB	1.30 METER	1.15 METER
14TKB	1.30 METER	1.15 METER
12TKB	1.10 METER	1.00 METER
11TKB	1.10 METER	1.00 METER

### 14.2 PAPAN LONJAKAN LOMPAT KIJANG

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18TKB	9 METER	5 METER / 6 METER
15TKB	8 METER	5 METER / 6 METER
14TKB	7 METER	5 METER / 6 METER

### 14.3 LONTAR PELURU – BERAT PELURU

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18TKB	5.00 KG	3.00 KG
15TKB	4.00 KG	3.00 KG
14TKB	4.00 KG	3.00 KG
SEK. RENDAH	2.72 KG	2.72 KG

### 14.4 REJAM LEMBING

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18TKB	700 GRAM	500 GRAM
15TKB	600 GRAM	500 GRAM
14TKB	600 GRAM	500 GRAM
SEK. RENDAH	400 GRAM	400 GRAM

**14.5 LEMPAR CAKERA**

<b>PERINGKAT UMUR</b>		<b>LELAKI</b>	<b>PEREMPUAN</b>
18TKB		1.5 KG	1.0 KG
15TKB		1.0 KG	1.0 KG
14TKB		1.0 KG	1.0 KG

**15. ACARA BALAPAN**

**15.1 80M LARI BERPAGAR**

<i>Peringkat Umur</i>	<i>Bilangan Pagar</i>	<i>Tinggi Pagar</i>	<i>Pagar 1 dari garisan permulaan</i>	<i>Pagar ke pagar</i>	<i>Pagar ke garisan penamat</i>
12TKB (L/P)	8	0.762	12.00m	8.00m	12.00m
11TKB (L/P)	8	0.762	12.00m	8.00m	12.00m

**15.2 100M LARI BERPAGAR**

<i>Peringkat Umur</i>	<i>Bilangan Pagar</i>	<i>Tinggi Pagar</i>	<i>Pagar 1 dari garisan permulaan</i>	<i>Pagar ke pagar</i>	<i>Pagar ke garisan penamat</i>
18TKB (P)	10	0.762m	13m	8.50m	10.50m
15TKB (P)	10	0.762m	13m	8.50m	10.50m
14TKB (P)	10	0.762m	13m	8.50m	10.50m

**15.3 110M LARI BERPAGAR**

<i>Peringkat Umur</i>	<i>Bilangan Pagar</i>	<i>Tinggi Pagar</i>	<i>Pagar 1 dari garisan permulaan</i>	<i>Pagar ke pagar</i>	<i>Pagar ke garisan penamat</i>
18TKB (L)	10	0.914m	13.74m	9.14m	14.00m
15TKB (L)	10	0.838m	13.74m	9.14m	14.00m
14TKB (L)	10	0.838m	13.74m	9.14m	14.00m

**15.4 200M LARI BERPAGAR**

<i>Peringkat Umur</i>	<i>Bilangan Pagar</i>	<i>Tinggi Pagar</i>	<i>Pagar 1 dari garisan permulaan</i>	<i>Pagar ke pagar</i>	<i>Pagar ke garisan penamat</i>
14/15TKB (L)	5	0.838m	20m	35m	40m
14/15TKB (P)	5	0.762m	20m	35m	40m

**15.5 400M LARI BERPAGAR**

<i>Peringkat Umur</i>	<i>Bilangan Pagar</i>	<i>Tinggi Pagar</i>	<i>Pagar 1 dari garisan permulaan</i>	<i>Pagar ke pagar</i>	<i>Pagar ke garisan penamat</i>
18TKB (L)	10	0.838m	45m	35m	40m
18TKB (P)	10	0.762m	45m	35m	40m

## **15.6 Acara 4 x 200 meter**

- 15.6.1 Pelari pertama akan menggunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan  $1\frac{1}{2}$  stagger seperti pelari pertama dalam acara 4 x 400 meter.
- 15.6.2 Pelari ketiga akan bersedia di garisan 1 stagger yang akan disediakan.
- 15.6.3 Pelari ketiga akan bersedia di garisan  $\frac{1}{2}$  stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 x 400 meter). Selepas menerima baton dari pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing-masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya pelari boleh memotong masuk ke lorong pertama.
- 15.6.4 Pelari terakhir akan tersedia di tempat penerimaan baton mengikut kedudukan pelari yang mendatang dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang dan menolak peserta lain.

## **16. SEPARUH AKHIR**

### **16.1 Empat (4) Separuh Akhir**

Satu (1) peserta pemenang dan empat (4) peserta yang mencatat masa yang terbaik bagi keempat-empat separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.

### **16.2 Tiga (3) Separuh Akhir**

Dua (2) peserta pemenang dan dua (2) peserta yang mencatat masa yang terbaik bagi ketiga-tiga separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.

### **16.3 Dua (2) Separuh Akhir**

Tiga (3) peserta pemenang daripada setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua-dua separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.

16.4 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatat masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan di para 16.1, 16.2 dan 16.3, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh ahli-ahli Juri Rayuan.

16.5 Semua penentuan / penetapan lorong untuk acara akhir semasa kejohanan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Perangkaan dan Keputusan Rasmi dengan pengawasan / penyeliaan ahli-ahli Juri Rayuan berdasarkan kepada Peraturan 166 Perkara 4 (KOAM).

16.6 Acara 800 meter dan 1500 meter- Jika hanya 30 peserta atau kurang bertanding, semua peserta akan terus ke peringkat akhir. Sekiranya dijalankan separuh akhir, 10 peserta dengan catatan masa terbaik akan ke peringkat akhir.

## **17. HADIAH-HADIAH**

### **17.1 Acara individu**

Pertama, Kedua dan Ketiga

### **17.2 Acara terbuka 1200, 1500 dan 3000 meter**

Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Keenam

### **17.3 Acara Pasukan**

Enam pingat akan diberi kepada setiap pasukan yang berjaya di tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.

## **18. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KEJOHANAN**

### **18.1 Penentuan Peserta Terbaik**

(Berdasarkan Peraturan MSSM 2023 perkara **23.17** mukasurat 259-260)

18.1.1 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada ;

1. Peserta Terbaik Lelaki 18,15,14,12,11 TKB

2. Peserta Terbaik Perempuan 18,15,14,12,11 TKB

berdasarkan rekod baru individu yang dicipta (seperti MSSM dan sebagainya, mana yang lebih baik pencapaiannya, usia sesuatu rekod akan diambil kira). Di samping jumlah pungutan pingat Emas, Perak dan Gangsa.

18.1.2 Sekiranya tiada rekod diatasnya / dicatat, jumlah pungutan mata emas dalam acara individu akan diambil kira.

18.1.3 Sekiranya pungutan emas masih sama, pungutan perak dan gangsa dalam acara individu akan diambil kira.

18.1.4 Sekiranya kedudukan masih sama juga, maka keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu yang disertai oleh setiap peserta.

### **18.2 Johan Keseluruhan**

Johan Keseluruhan kategori Sekolah Rendah dan kategori Sekolah Menengah akan ditentukan melalui pungutan mata.

KEDUDUKAN/ MATA	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	KEEMPAT
INDIVIDU	5	3	2	1
KUMPULAN	5	3	2	1

## **19. BANTAHAN**

19.1 Segala bantahan hendaklah dibuat dengan mematuhi prosedur peraturan 146 KOM. Lain-lain perkara boleh rujuk peraturan am KOM.

19.2 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (*under protest*) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSSD kelak.

19.3 Sebarang bantahan keputusan pertandingan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat 15 minit selepas keputusan rasmi diumumkan.

19.4 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja)**

## **20. JURI RAYUAN**

Juri rayuan untuk kejohanan ini adalah seperti berikut ;

1. Pengurus Kejohanan (M/R)
2. Pengurus Teknik dan Pembangunan Balapan dan Padang MSSD (M/R)
3. Pengurus Kepegawaian
4. Setiausaha Kejohanan
5. Pengurus pasukan berkecuali ( 2 orang )

Keputusan boleh diterima dengan sekurang-kurangnya melibatkan 5 daripada senarai diatas.

## **21. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA**

- 21.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Balapan dan Padang MSSD berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku sebarang pindaan, pengurus-pengurus pasukan akan diberitahu.
- 21.2 Jawatankuasa Pertandingan berhak memutuskan dan meminda sebarang perkara yang tidak dicatatkan.

## **22. HAL-HAL LAIN**

- 22.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. orang yang tidak berkenaan **DILARANG MASUK** ke tempat-tempat khas tersebut.
- 22.2 Selain daripada pegawai-pegawai teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPA PUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**
- 22.3 Jawatankuasa pertandingan tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kecatastan, kehilangan harta benda dan musibah lain yang berlaku sepanjang kejohanan. Namun demikian, jawatankuasa pertandingan akan mengambil langkah terbaik untuk menjayakan kejohanan ini dengan lancar.

Sebarang kemosykilan dan pertanyaan yang berkaitan, sila hubungi;

1. ABDUL AZIZ BIN YAAKUB  
**Pengerusi Teknik dan Pembangunan  
Olahraga (Menengah)  
MSSD Sabak Bernam Tahun 2024** SMK DATO' MUSTAFFA **017-6860085**
2. MOHAMAD FAIZ BIN KAMARUZZAMAN  
**Pengerusi Teknik dan Pembangunan  
Olahraga (Rendah)  
MSDD Sabak Bernam Tahun 2024** SK DOKTOR LATIFF **019-6888059**